

06/01/2002

Oui calon BN pertahan Indera Kayangan

KANGAR: Ketua Pergerakan Wanita MCA Perlis, Oui Ah Lan dipilih sebagai calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Indera Kayangan, 19 Januari ini.

Pemilihan Oui, 59, diumumkan oleh pengerusi BN Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim di Dewan Residensi pada jam 12.20 tengah hari semalam.

Bekas guru itu adalah antara empat nama yang disenaraikan sebagai calon oleh MCA. Tiga yang lain ialah naib pengerusi MCA bahagian Kangar, Steven Lee Yin Chon, setiausaha MCA Perlis, Tan Kok Kheng dan penolong setiausaha MCA Perlis, Ch'ng Ban San.

Turut hadir pada majlis pengumuman calon itu ialah Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Naib Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting; Ketua Wanita MCA pusat, Datuk Dr Ng Yen Yen; ahli jawatankuasa pusat MCA, Datuk Chor Chee Heung; Ketua Wanita BN negeri, Mastika Junaidah Husin dan pemimpin parti komponen BN. Tiga yang disenaraikan sebagai calon turut hadir.

Shahidan berkata semua pihak perlu bekerja keras memastikan kemenangan BN kerana pilihan raya berkenaan akan menentukan hala tuju dan masa depan parti berkenaan.

Beliau berkata semua pihak kini bersatu, terutama yang disenaraikan sebagai calon, untuk membantu Oui.

"Saya juga berterima kasih kepada Dr Ling kerana bersedia mengetuai jentera pilihan raya MCA dan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, bagi partinya pada pilihan raya ini," katanya.

Berdasarkan kemasukan ramai ahli parti pembangkang ke dalam BN, beliau yakin BN akan memenangi semula kerusi DUN Indera Kayangan.

Beliau berkata, Dr Mahathir dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga dijangka turun berkempen.

Oui, 59, anak kelahiran Perlis, pernah mengajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) Khoo Aik, Kangar selama 20 tahun.

Beliau kemudian dinaikkan pangkat ke jawatan guru besar di SRJKC Khoo Aik di Mata Ayer selama lima tahun dan SRJKC Sin Min di Pauh selama dua tahun sebelum ke SRJKC Choon Siew, Kuala Perlis dan bersara.

Beliau menyertai MCA pada 1975 dan antara pengasas pergerakan Wanita MCA Perlis serta Ketua Wanita MCA Perlis pertama.

(END)